



26 MAR, 2026

## Pemilik lot kedai diperintah bayar RM26,000 kepada TNB

Harian Ekspres (KK), Malaysia



### Pemilik lot kedai diperintah bayar RM26,000 kepada TNB

PUTRAJAYA: Mahkamah Sesyen di Klang memerintahkan seorang pemilik lot kedai membayar lebih RM26,000 kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi caj elektrik terkurang.

Hakim Noorhisham Mohd Jaafar membuat keputusan itu selepas mendapati syarikat utiliti berkenaan berjaya membuktikan tuntutan terhadap Choo Lee Chen berdasarkan imbalan kebarangkalian.

Dalam alasan penghakiman bertarikh 3 Mac tahun ini, beliau memutuskan bahawa bekalan elektrik disalurkan ke premis berkenaan di bawah akaun berdaftar Choo, namun tidak dibayar sepenuhnya berikutan meter merekodkan penggunaan lebih rendah sekali gus memberikan manfaat kewangan kepada Choo atas kerugian TNB.

TNB memfailkan tuntutan pada 2024 di bawah Seksyen 38 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990, yang menuntut RM61,310.05 daripada Choo untuk caj elektrik kurang untuk penggunaan meragukan, yang dikaitkan dengan aktiviti perlombongan bitcoin di premis berkenaan.

Bagaimanapun, Hakim Noorhisham membenarkan TNB menuntut sebanyak RM26,146.70 selepas penjelasan yang dikemukakan semasa prosiding berhubung percanggahan serta pembentangan pengiraan yang telah diperbetulkan.

Pertikaian itu susulan pemeriksaan yang dijalankan pada 8 Julai 2020 di sebuah premis di Kota Bayu Emas, Pendamar, Pelabuhan Klang.

Wakil TNB mendapati terdapat pendawaian mengganggu meter yang dipasang dan pemasangan semula dilakukan serta laporan polis telah dibuat.

Choo menafikan dia adalah pengguna elektrik di premis berkenaan dan mendakwa premis itu telah disewakan.

Dalam alasan penghakiman yang dimuat naik di laman web badan kehakiman, Hakim Noorhisham berkata penyewa telah keluar pada April 2019 iaitu setahun sebelum TNB menjalankan pemeriksaan di premis berkenaan.

Beliau berkata tiada wakil penyewa dipanggil memberikan keterangan, dan tiada dokumen dikemukakan untuk perkara berkaitan sewaan selain perjanjian itu sendiri.

“Walaupun berlaku gangguan pada meter di premis berkenaan, defendan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap penyewa. Tiada laporan polis dibuat, tiada prosiding sivil dimulakan dan tiada notis pelanggaran atau dokumen sokongan lain dikemukakan,” katanya. -Bernama